

Info

Program Empower ECER Mahkota

→ **Program Empower ECER Mahkota** adalah usaha sama ECERDC dengan UMP melalui UAE

→ **Sehingga Disember 2015**, seramai

7,568 pelajar menyertai program latihan akademik dan 775 orang menyertai program latihan kemahiran dan keusahawanan

→ **Sehingga kini**, program itu sudah dilaksanakan di enam daerah, iaitu di Bentong, Temerloh, Lipis, Cameron Highlands, Raub dan Pekan

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIB/BH]



Mohd Zaili bersama 105 pelajar Program Empower ECER Mahkota yang menyertai Kursus Intensif QGEN 2016 di Agro Resort Semuji, Kuantan, semalam.

Kursus Insentif QGEN tingkat disiplin remaja

BERITA HARIAN CIVILAYAH
26 OKT 2016 M/S 32

→ Program berteraskan motivasi semai sikap positif dalam diri generasi muda

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Seramai 105 pelajar Program Empower ECER Mahkota menyertai Kursus Intensif QGEN 2016 bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan disiplin, agama dan nilai murni dalam kehidupan.

Kursus Intensif QGEN adalah program berteraskan motivasi berkONSEPkan 'kemandirian hidup' dan peserta mengikut pelbagai aktiviti serta ceramah motivasi selama tiga hari di Agro Resort Semuji, di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching, Datuk Mohd Zaili Besar, berkata program itu bermanfaat kerana peserta dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran menerusi latihan serta bimbingan membaca al-Quran,

bersolat serta kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris.

Sikap ambil berat

Katanya, ia juga dapat memupuk sikap mengambil berat dalam komuniti masyarakat untuk melengkapkan diri generasi muda bagi menangani gejala sosial dalam kalangan mereka.

"Program sebegini boleh diperluaskan pada masa akan datang kerana ia membantu menyemai semangat kerjasama, keyakinan diri dan jatidiri kepada pelajar. Semua ini amat berguna bagi kehidupan mereka," katanya ketika berucap merasmikan program berkenaan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced Education Sdn Bhd (UAE), Mohamad Rozi Hassan; Penasihat Program QGEN 2016, Datin Fazia Ali; Penolong Pengarah (Sek-

tor Pengurusan Akademik), Jabatan Pendidikan negeri, Shahru Nizam Bakar dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Universiti Malaysia Pahang (UMP), Zulkafli Hassan.

Khidmat pakar, motivasi

Mohd Zaili berkata, usaha sama UMP menerusi UAE dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) banyak membantu kerajaan membangunkan sosioekonomi rakyat luar bandar dengan menawarkan khidmat kepakaran akademik dan motivasi.

"Program sedemikian juga dapat membentuk remaja yang lebih berketrampilan, berkeyakinan, matang serta berakhlik mulia seterusnya mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran hidup serta mampu mengawal dan menghindari daripada gejala negatif," katanya.